

11 AUG 1999

AZHAR DIJANGKA TIBA MALAM INI

LANGKAWI, 11 Ogos (Bernama) -- Pelayar Malaysia Datuk Azhar Mansor dijangka tiba di sini malam ini, beberapa jam lewat daripada jadual.

Jadual Ketibaan (ETA) beliau ialah kira-kira 10 malam. Semalam, beliau dijadualkan tiba antara pukul 4 dan 5 petang ini.

Kepulangan Azhar, yang dinanti-nantikan itu, perlu melalui pelayaran sejauh 77 batu nautika lagi dengan purata kelajuan tujuh knot.

"Saya masih lagi berada di laluan perkapalan, dan sekali lagi tidak dapat tidur semalaman. Pelayaran baik dan menghala pulang," katanya dalam e-mel dari kapal layarnya Jalur Gemilang ke pangkalan daratnya di Awana Porto Malai resort di sini, hari ini.

Beliau berkata keadaan kekal sederhana sepanjang malam dengan tiupan angin barat laut sejak matahari terbenam.

Azhar, yang berhasrat menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo, kini memasuki hari pelayaran ke-190 dan telah mencatatkan 25,400 batu nautika.

Azhar melaporkan bahawa kapal layarnya yang berharga RM2 juta itu kini berada pada kedudukan Latitude 06 darjah 16' 69" Utara, Longitude 098 darjah 25' 52" Timur.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Azmi Khalid akan menjalankan tugas Pegawai Imigresen dengan membuat pengesahan dan mengecop pasport Azhar.

Menurut jurucakap Jabatan Imigresen Langkawi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyaksikan acara bersejarah itu.

-- BERNAMA

NH NAK